

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10585

SOALAN:

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah
yang telah diambil bagi memastikan pengedaran dadah dalam
negara dapat dibendung dan memastikan bilangan penagih turut
dapat disifarkan.**

99

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius masalah pengedaran dan penyeludupan dadah dalam negara dan sentiasa berusaha membanteras dan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi-strategi seperti berikut :

- a) memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;
- b) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;
- c) memperkasakan penguatkuasaan dan risikan di kawasan sempadan negara melalui kerjasama antarabangsa dengan pihak berkuasa Thailand dengan penubuhan Sekretariat Nukleus Narkotik (SNN) di sempadan Kelantan, Kedah, Perlis dan Perak;

- d) **memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK);**
- e) **mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah;**
- f) **melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;**
- g) **mengadakan kerjasama erat dengan Kementerian atau agensi-agensi lain untuk memantau kemasukan bahan-bahan atau "*precursor*" yang digunakan untuk menghasilkan dadah jenis sintetik;**
- h) **mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan tempatan lain dalam berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepadu;**
- i) **menjalankan risikan terperinci untuk mengesan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas sindiket dan pengedar yang terlibat;**
- j) **memantau media sosial bagi mencegah dan melumpuhkan sebarang bentuk kegiatan jual beli dadah secara atas talian; dan**

- k) menjalankan Ops Sarang bagi membanteras kegiatan penagihan dan penyalahgunaan dadah sekali gus menutup sarang tersebut.**